



KATA ALU-ALUAN PENGARAH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH & PENYELIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Ribuan terima kasih saya ucapkan atas peluang yang diberi kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam ruangan ini. Syabas dan tahniah kepada semua staf Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang bernaung di bawah seliaan Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan, kerana berjaya menghasilkan sebuah majalah yang menjadi tanda kepada komitmen unit ini untuk terus maju ke hadapan.

Dunia pendidikan pada alaf ini semakin kompleks dan bersifat global. Warga pendidik perlulah berilmu, berfikir kreatif, berinovatif, serta mampu bersaing di persada antarabangsa yang penuh dengan cabaran melalui bidang penyelidikan. Perkara ini bertepatan dengan misi penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan iaitu membudayakan penyelidikan dalam kalangan pensyarah dengan menganjurkan persidangan, penerbitan serta giat menjalankan penyelidikan.


Justeru itu, saya ingin menyeru kepada para pensyarah agar memastikan aktiviti pengajaran dan penyelidikan adalah pada tahap yang seimbang, kerana pendidik yang berkualiti dapat melahirkan anak bangsa yang berwawasan dan bermatlamat tinggi. Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan buat semua warga UnISHAMS untuk terus berusaha mencipta kejayaan. Bersama-samalah kita membulatkan tekad dan berusaha gigih untuk memastikan pendidikan di Malaysia berada di puncak kegemilangan. Sekian, terima kasih.



(DR. MUKHAMAD HADI MUSOLIN SUBAGIO)
Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan,
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

PERANAN RMU

- Mengurus geran penyelidikan KPT iaitu; FRGS, TRGS, LRGS dan lain-lain geran berkaitan.
- Mengurus Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) atau kini dikenali sebagai Geran Penyelidikan Universiti.
- Menjadi urusetia bagi perkara berkaitan Mobiliti Program dan Persidangan yang akan dilaksanakan oleh kuliyyah.
- Mengemaskini, mendaftar dan menyelaraskan pengisian MyRA dan menentukan penarafan bintang dinaikkan.
- Membudayakan penyelidikan dikalangan pensyarah dengan mengadakan bengkel, seminar dan kursus berkaitan penyelidikan.
- Merancang dan melaksanakan sesi diskusi dan book review dengan menjemput ilmuwan (scholar) dan ahli korporat.
- Menyelaraskan semua jurnal yang diterbitkan oleh setiap kuliyyah.
- Meneliti dan memproses permohonan pensyarah yang ingin membentangkan kertas penyelidikan di persidangan dalam dan luar negara.
- Menyelaraskan dan mengurus segala berkaitan penerbitan buku atau modul pengajaran.



SEJARAH PENUBUHAN RMU

RMU ditubuhkan pada Oktober 2016 di bawah seliaan Timbalan Rektor Akademik, seterusnya diambil alih oleh Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan pada Jun 2017. Seterusnya diselia oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan pada Julai 2019. Kemudian, RMU diambil alih semula oleh Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan pada November 2019 sehinggalah kini.

Pada 4 Oktober 2017, Jawatankuasa Persidangan, Penyelidikan & Penerbitan (U3P) telah ditubuhkan setelah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Tujuan penubuhan Jawatankuasa U3P adalah untuk memartabatkan bidang penyelidikan dan penerbitan di samping menggalakkan kuliyyah-kuliyyah menjalankan persidangan di peringkat universiti, nasional, dan antarabangsa. Dengan adanya jawatankuasa ini segala urusan yang melibatkan 3P dapat dijalankan dengan lebih sistematik di bawah pemantauan Rektor dan Timbalan Rektor Akademik dan Antarabangsa.

Pejabat RMU berada di Aras 2, Bangunan Cancellori UnISHAMS. Kakitangan unit ini terdiri daripada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan, Timbalan Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan, 3 orang staf, dan dibantu oleh 5 orang pembantu siswazah.

Malaysia Research Assessment (MyRA)

RATINGS	RANGE
☆☆☆☆☆☆	≥ 0 to < 15
★☆☆☆☆	≥ 15 to < 30
★★☆☆☆	≥ 30 to < 45
★★★☆☆	≥ 45 to < 60
★★★★☆	≥ 60 to < 75
★★★★★	≥ 75 to < 100
★★★★★★	≥ 100 to 157

Maximum marks for MyRA-1 is 157.73

Sistem penarafan bintang MyRA® yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini terbahagi kepada enam (6) kategori, dengan sifar (0) bintang mewakili prestasi terendah dan enam (6) bintang mewakili prestasi MyRA® yang terbaik.

APAKAH ITU MyRA ?

MyRA® adalah singkatan bagi Malaysian Research Assessment, atau istilah bahasanya Taksiran Penyelidikan Malaysia. MyRA® digunakan untuk menilai kapasiti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan.

MyRA® merupakan instrumen yang mengukur input, output, outcome dan impak Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersialan & Inovasi (RDCI).

Ia mengukur kecemerlangan dengan menilai jarak sesebuah IPT dari profil (tanda aras) yang ditakrifkan sebagai cemerlang bagi sebuah universiti penyelidikan di negara kita.

“Kriteria Penilaian Indikator yang digunakan di dalam MyRA® bersesuaian dengan kerangka INPUT-PROSES-OUTPUT bagi kerja penyelidikan.”

Pencapaian MyRA UniSHAMS

TAHUN	MARKAH	PENARAFAN BINTANG
2015	26.86	★
2016	33.56	★★
2017	32.11	★★
2018	41.13	★★
2019	26.08	★
2020	37.40	★★

Tujuan utama Instrumen MyRA® termasuk (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:

1. Untuk menilai prestasi universiti tempatan dalam kegiatan Penyelidikan - Pembangunan - Pengkomersialan (R&D&C);
2. Untuk menilai permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental oleh universiti;
3. Untuk menilai permohonan menjadi sebuah Universiti Penyelidikan; dan
4. Menilai impak IPT yang telah diberikan status Universiti Penyelidikan.



➤ PENGENALAN

Kluster penyelidik UniSHAMS merupakan sebuah unit kecil yang memantau aktiviti kumpulan penyelidik di UniSHAMS agar sentiasa aktif menggerakkan kumpulan dengan pelbagai aktiviti penyelidikan yang memberi manfaat kepada masyarakat. Setiap kertas kerja yang dipohon akan melalui beberapa proses tertentu bagi mendapat manfaat kepada peruntukan yang telah diberikan daripada pihak universiti kepada setiap kumpulan penyelidik.


➤ LATAR BELAKANG

Pembentukan kumpulan penyelidik ini adalah bertujuan untuk memfokuskan kepelbagaian hasil penyelidikan, penerbitan dan persidangan, secara tidak langsung membantu memperbanyakkan karya ilmiah yang berkualiti bagi memenuhi keperluan UniSHAMS sebagai sebuah university serta memperkasakan KPI yang sedia ada, berpaksikan keperluan SETARA dan MyRA.


Organisasi kluster telah dibahagikan kepada empat bidang utama iaitu Kluster Syariah & Undang-Undang, Kluster Warisan Islam & Pengajian Al-Quran, Kluster Kewangan Islam & Perkhidmatan Halal dan Kluster Sains & Teknologi. Manakala kumpulan penyelidik bagi setiap kluster tersebut telah ditentukan mengikut bidang keperluan kumpulan penyelidik masing-masing. Kluster besar ini diketuai oleh Dekan kuliyyah, manakala ketua kumpulan penyelidik dilantik oleh dekan kuliyyah yang diluluskan oleh mesyuarat U3P.

➤ LAPORAN KESELURUHAN KLUSTER TAHUN 2020

Sehingga 31 Disember 2020, laporan menunjukkan terdapat peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun 2019. Walaupun berlaku peningkatan, ahli-ahli kumpulan kluster perlu sentiasa bergiat aktif dan kreatif dalam menjalankan aktiviti penyelidikan di UniSHAMS. Sekaligus menyambut seruan Naib Canselor UniSHAMS iaitu Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim di dalam Majlis Ramah Mesra bersama kakitangan UniSHAMS pada 16 Mac yang lalu.



➤ CARTA ORGANISASI KLUSTER DAN KUMPULAN PENYELIDIK UNISHAMS 2021



PERKEMBANGAN AKTIVITI KUMPULAN PENYELIDIK SEHINGGA APRIL 2021




1 BENGKEL TIPS AND TRICKS FRGS 2021 - 10 FEBRUARI 2021

Bengkel ini telah dijalankan pada merungkai kaedah dan teknik bagaimana untuk memohon geran FRGS bagi menggiatkan pembudayaan penyelidikan, merangkumi pelbagai bidang di Universiti.

2 ISLAMIC LECTURE SERIES VI (THE ROLE OF ISLAMIC SOCIAL FINANCE DURING COVID19 PANDEMIC CRISIS) - 24 FEBRUARI 2021

Tema ini di angkat pada sesi IFLS VI kali ini berikutan kepada pandemik COVID-19 yang memberi impak sangat besar dalam kehidupan masyarakat. Memetik berita harian 25 November 2020 yang bertajuk "Kewangan Sosial Islam Bantu Pulih Ekonomi Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, instrumen-instrumen kewangan sosial Islam ini tidak seharusnya terhad kepada penyediaan keperluan asas dan sara hidup golongan yang memerlukan atau untuk tujuan keagamaan seperti pembinaan masjid dan madrasah sahaja bahkan perlu diguna sama dalam membantu memulihkan ekonomi negara.




3 WEBINAR ANTARABANGSA "PENGALAMAN DAN ASPIRASI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB UNTUK PELAJAR BUKAN PENUTUR JATI" - 24 FEBRUARI 2021

Webinar yang telah dijalankan ini adalah bagi menonjolkan kedudukan dan peranan Kuliyyah Bahasa Arab sebagai platform pembelajaran bahasa Arab khususnya kepada yang bukan penutur jati. Di samping itu, webinar ini adalah diantara usaha untuk memperkenalkan UniSHAMS kepada masyarakat dan menjadi IPT pilihan. Dalam pada itu, webinar ini berusaha untuk memperkasakan peranan pendidik UniSHAMS bagi merealisasikan matlamat institusi dalam pengajaran Bahasa Arab seterusnya menjadi pemangkin kepada penubuhan prasarana seperti Makmal Bahasa Arab yang dapat memberi kemudahan dan membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Arab Fusha di kalangan pelajar.



4 ISLAMIC LECTURE SERIES VII (PENGURUSAN HARTA MUSLIM) - 24 MAC 2021

Penceramah yang diundang adalah Encik Shahrul Nizam bin Sabri, beliau merupakan CEO Harta Muslim Management Sdn. Bhd. Di mana syarikat ni menyediakan perkhidmatan perancangan harta (Wasiat, Hibah, Deklarasi Harta Sepencarian) disamping turut menyediakan perkhidmatan menguruskan pusaka (permohonan 'Surat Kuasa). Beliau mempunyai pengetahuan serta pengalaman yang luas dalam selok-belok pengurusan harta Islam. Melihat kepada kesedaran masyarakat yang makin meningkat kluster kewangan Islam, UniSHAMS – CIFER terpanggil untuk menjemput beliau berkongsi pengetahuan berkaitan pengurusan harta Islam.



5 BENGKEL PENULISAN JURNAL MENGGUNAKAN PERISIAN APLIKASI MINDJET MINDMANAGER 2020 - 12 APRIL 2021

Seminar ini membantu para pensyarah ,menyusun data dan fakta bagi aktiviti pengurusan dan pentadbiran dengan mudah. Membantu para pensyarah menjelaskan kandungan idea secara interaktif, menjimatkan masa ketika proses suntingan serta berupaya membangunkan jurnal, buku dan karya ilmiah dengan lebih berkesan.

PERSIDANGAN

DEFINISI

Persidangan bermaksud kongres, seminar, forum, simposium, kolokium, wacana, program, ceramah, bengkel dan lain-lain yang boleh dimaksudkan dengan persidangan dan berteraskan penyelidikan serta tidak bersifat kursus jangka masa panjang.

TUJUAN

Kakitangan akademik UniSHAMS digalakkan menyertai persidangan sebagai salah satu tanggungjawab mereka bagi tujuan peningkatan kerjaya di samping memberi impak positif untuk mempertingkatkan ilmu dan jati diri pensyarah. Selain itu, ia dapat memenuhi syarat pengiktirafan bintang oleh MyRA® dan SETARA bagi sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Artikel penyelidikan mestilah dihantar ke penerbit jurnal yang berkaitan dengan bidang artikel tersebut.

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN MENGHADIRI PERSIDANGAN SEBAGAI PESERTA DAN PEMBENTANG

Peserta

Permohonan dilakukan sekurang-kurangnya sebulan dari tarikh persidangan dijalankan.

Permohonan mestilah disertakan bersama surat tawaran/ iklan/ brochure sebagai rujukan.

Peruntukan menghadiri persidangan sebagai peserta diperuntukan maksimum RM300.00 sahaja.

Peruntukan maksimum RM300.00 kepada kakitangan akademik bergred DG41 dan ke bawah sahaja.

Permohonan banyak kali atau unlimited dibenarkan (iaitu tidak lagi terhad 2 kali setahun).

Pembentang

Permohonan dilakukan sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh persidangan dijalankan.


Permohonan mesti disertakan dengan risalah lengkap persidangan, surat penerimaan ke persidangan dan abstrak. Artikel yang dibentangkan perlu menggunakan affiliation UniSHAMS.

Kakitangan akademik yang telah diluluskan permohonan diberi peruntukan maksimum RM1,500.00 (peruntukan ini tertakluk kepada kakitangan akademik gred DS/DK45 dan ke atas sahaja)


Permohonan banyak kali atau unlimited dibenarkan (iaitu tidak lagi terhad 2 kali setahun).

Semua kakitangan akademik yang ingin menghadiri persidangan sama ada memerlukan peruntukan kewangan atau tidak, WAJIB membuat permohonan menghadiri persidangan melalui Unit Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Siswazah dan Penyelidikan (PPSP). Borang permohonan boleh dimuat turun di pautan ICMS UniSHAMS.

Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab bagi kakitangan akademik yang menghadiri persidangan tanpa kelulusan universiti. Penyertaan persidangan tanpa kelulusan universiti tidak akan diperakui dalam rekod ketidakhadiran.




Laporan Bilangan Kelulusan Hadiri Kursus/ Seminar/ Latihan Staf Akademik dan Penggunaan Bajet Persidangan untuk Kos Penerbitan pada tahun 2020 UniSHAMS




Pada tahun 2020, terdapat seramai 54 pembentang dan 66 peserta dalam kalangan staf akademik UniSHAMS yang telah lulus menghadiri persidangan, manakala terdapat 49 penerbitan Scopus/ WOS/ I.S.I yang terhasil daripada penggunaan bajet persidangan

Laporan Bilangan Penerbitan dalam SCOPUS/ WOS/ I.S.I daripada staf akademik UniSHAMS pada tahun 2020

Bilangan penerbitan Scopus dalam kalangan staf akademik Kuliyyah Bahasa Arab mencapai bilangan yang tertinggi pada tahun 2020 iaitu sebanyak 13 penerbitan jurnal. Manakala bilangan penerbitan WOS yang tertinggi adalah dalam kalangan staf akademik Kuliyyah Bahasa Arab dan Kuliyyah Usuluddin & Sains Al-Quran iaitu sebanyak tiga jurnal. Adapun penerbitan I.S.I, hanyalah dalam kalangan staf Kuliyyah Syariah iaitu sebanyak tiga jurnal.




Laporan Bilangan Pembentang dalam Persidangan Dalam melalui Kluster UniSHAMS pada tahun 2020



Persidangan dalam UniSHAMS pada tahun 2020, pembentang dalam kalangan staf akademik Kuliyyah Syariah & Undang-undang mencapai bilangan yang tertinggi iaitu seramai 23 pembentang, manakala staf akademik kuliyyah Muamalat & Sains Pengurusan serta Pusat Pengajian & Penyelidikan Kewangan Islam (CIFER) mencapai bilangan kedua tertinggi iaitu masing-masing seramai sembilan pembentang, seterusnya Kuliyyah Bahasa Arab dan Pusat Pengajian & Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi iaitu masing-masing seramai dua pembentang. Akhir sekali, dari kuliyyah Usuluddin & Sains Al-Quran iaitu seorang pembentang.



Laporan staf akademik UniSHAMS yang mendapat insentif penerbitan jurnal SCOPUS/ISI pada tahun 2020

Pada tahun 2020, terdapat 10 penerbitan daripada staf akademik Kuliyyah Usuluddin & Sains Al-Quran telah berjaya mendapat insentif penerbitan jurnal Scopus/I.S.I, diikuti pula dari Kuliyyah Bahasa Arab iaitu tujuh penerbitan, dari Kuliyyah Syariah & Undang-undang iaitu enam penerbitan, dari Kuliyyah Muamalat & Sains Pengurusan iaitu lima penerbitan, dan dari Pusat Pengajian & Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi iaitu dua penerbitan.



PENYELIDIKAN

GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG)



Jumlah Peruntukan STG (2016-2020)

Laporan Permohonan STG (2016-2020)

Statistik menunjukkan trend peningkatan jumlah permohonan dari tahun ke tahun yang amat baik ditunjukkan oleh penyelidik dalam kalangan staf akademik UniSHAMS. Ini bertepatan dengan objektif RMU khususnya dan hasrat universiti amnya dalam usaha menggalakkan dan membudayakan aktiviti penyelidikan di UniSHAMS.

Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) atau kini dikenali sebagai **Geran Penyelidikan Universiti** ini di bahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu:

1. Sains Sosial (Peruntukan - RM5,000.00)
2. Kerjasama Industri (Peruntukan - RM10,000.00)
3. Sains & Teknologi (Peruntukan - RM 20,000.00)

SENARAI PENERIMA GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG) TAHUN 2020

1. DR. ABDUL GHANI BIN MD DIN
2. DR. IBRAHIM BABIKIR ELHAG
3. DR. LEE II LI
4. DR. MAHAMED FATHY MOHAMED
5. DR. MOHAMED IBRAHIM HASSAN
6. DR. MOHD SHOLEH SHEH YUSUFF
7. DR. NOR HERNAMAWARNI ABD MAJID

8. DR. SALAH MOHAMED MOUSTAFA
9. FAIZATUL HASLIYANTI BT GHAZALI
10. FARAHIZA ZAIHAN BINTI AZIZAN
11. HADIJAH BINTI JOHARI
12. HASLINA BINTI HASSAN
13. KHADIJAH BINTI KAMARUDDIN
14. MARINA BINTI ABU BAKAR

15. MUHAMMAD HAFIZ BIN AZIZAN
16. NUR HIKMAH BINTI MUBARAK ALI
17. NUR SARAH BINTI TAJUL URUS
18. NURSHAFARINA BINTI SHAARI
19. PROF. MADYA DR. YUSUF OTHMAN
20. SITI SYARIAH BINTI MAMAT
21. TENGKU ZAWANI BT TENGKU ZAWAWI
22. WALID MOHAMED ABDELRAHMAN

GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI

SEBELUM INI DIKENALI SEBAGAI : GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG)

SEMASA	GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG)	NAMA GERAN	GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI	TERKINI
	SATU (1) TAHUN	TEMPOH PENYELIDIKAN	DUA (2) TAHUN	
	MINIMUM SATU (1) ORANG MAKSIMUM TIGA (3) ORANG	BILANGAN PENYELIDIK BERSAMA	MINIMUM SATU (1) ORANG MAKSIMUM LIMA (5) ORANG	
	TIGA (3) NASKAH HARDCOVER SATU (1) PENERBITAN (JURNAL BERTATUS Index/ISI/SCOPUS/MyCite)	HASIL PENYELIDIKAN	LAPAN (8) NASKAH BUKU SATU (1) PENERBITAN (JURNAL BERTATUS Index/WOS/SCOPUS/MyCite)	

Pada **15 Mac 2021 hingga 22 Mac 2021** yang lalu telah berlangsung sesi perbentangan bagi permohonan Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) UniSHAMS Fasa 6/2021 Sesi Pertama yang dianjurkan oleh RMU bertempat di Bilik Menyuarat TNCA. Seramai **16 orang penyelidik** dari kalangan pensyarah UniSHAMS telah mengambil bahagian dalam sesi pembentangan kali ini. Pecahan jumlah penyelidik mengikut kuliyyah adalah seperti berikut:

- | | |
|--------------------------------------|-----------|
| CIFER | : 2 Orang |
| Kuliyyah Muamalat & Sains Pengurusan | : 3 Orang |
| Kuliyyah Perubatan & Sains Kesihatan | : 4 Orang |
| Kuliyyah Usuluddin & Sains Al-Quran | : 6 Orang |
| Kuliyyah Syariah & Undang-Undang | : 2 Orang |

Infographik : Perubahan Nama dan Ciri-ciri Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) Kepada Geran Penyelidikan Universiti


PENYELIDIKAN

GERAN PENYELIDIKAN PEMINDAHAN ILMU (GPPI)

Geran penyelidikan ini bertujuan untuk mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan staf akademik universiti mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh universiti.


SYARAT-SYARAT PERMOHONAN :

1. Dibuka kepada staf akademik UniSHAMS sahaja yang bertaraf tetap atau kontrak.
2. Penyelidik bersama juga boleh diambil dalam kalangan bukan staf akademik UniSHAMS, tetapi tuntutan/bantuan kewangannya tidak akan ditanggung oleh pihak UniSHAMS.
3. Pihak UniSHAMS tidak akan menanggung kos perbelanjaan geran tersebut kecuali perbelanjaan hasil penyelidikan sahaja.
4. Penyelidik hanya boleh mempunyai dua (2) GPPI pada satu-satu masa sebagai ketua penyelidik dalam tempoh setahun.
5. Penyelidik yang telah mencapai siap 70% layak mengetuai permohonan geran yang baharu setelah mendapat kelulusan Mesyuarat U3P.
6. Staf akademik yang bercuti belajar sepenuh masa tidak layak menjadi ketua penyelidikan.



**HASIL PENYELIDIKAN AKAN DITERBITKAN
SEBAGAI BAB DALAM BUKU (CHAPTER IN BOOK)
PENYELIDIKAN YANG DITAJA OLEH UNISHAMS**

JUMLAH PENYELIDIKAN (MENGIKUT TAHUN)



Senarai Penyelidik Yang Telah Mendapat Kelulusan

Geran Penyelidikan Pemindahan Ilmu (GPPI)

Tahun 2021

1	PROF. MADYA DR. MOHD SHOLEH SHEH YUSUFF	USULLIDDIN & SAINS AL-QURAN	HADIS-HADIS SAHIB BERKAITAN AL-QURAN SATU ANALISIS
2	PROF. MADYA DR. MOHD SHOLEH SHEH YUSUFF	USULLIDDIN & SAINS AL-QURAN	TADABBUR AL-QURAN SIRI 2 : SURAH AL-BAQARAH
3	PROF. MADYA DR. MOHD SHOLEH SHEH YUSUFF	USULLIDDIN & SAINS AL-QURAN	TAFSIR NUR AL-IHSAN OLEH SYEIKH MUHAMMAD SAID. PENILAIAN SEMULA KARYA BERMULA JUZUK 8-11 AL-QURAN
4	DR. RABIE IBRAHIM MOHAMED HASSAN	USULLIDDIN & SAINS AL-QURAN	دراسة موضوعية في ضوء - مشكلة الفقر ، أسبابها، وعلاجها القصة المشرفة
5	DR. SHETA HAFEZ MOHAMED RADWAN ELSHEIKH	USULLIDDIN & SAINS AL-QURAN	الإمامة بين الإمام الغزالي والتبعية



**PERMOHONAN GPPI
DIBUKA SEPANJANG
TAHUN !!!**

PENERBITAN


Penerbit UniSHAMS merupakan entiti Pusat Pengajian Siswazah & Pengurusan (PPSP) serta Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU). Penerbitan atau karya terbitan UniSHAMS merupakan agenda terpenting dalam menjadi kayu ukur pengiktirafan kepakaran dan keilmiahan ahli-ahli akademik keperingkat nasional dan antarabangsa.

OBJEKTIF

- Untuk meningkatkan penerbitan buku dan bahan ilmiah dalam pelbagai bahasa (Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab)
- Mengembangkan dari segi kualiti dan tahap kecemerlangan ilmu dalam bentuk penerbitan bahan/buku ilmiah
- Meningkatkan promosi buku-buku terbitan UniSHAMS di dalam dan luar negara


DATA PEMOHON ISBN

TAHUN 2019




DATA MENUNJUKKAN BILANGAN TERTINGGI DARI KULIYAH SYARIAH DAN JUMLAH KESELURAHAN BUKU ADALAH 17 BUAH

TAHUN 2020



DATA MENUNJUKKAN BILANGAN TERTINGGI DARI KULIYAH USULUDDIN DAN JUMLAH KESELURAHAN BUKU ADALAH 51 BUAH


TAHUN 2021





DATA MENUNJUKKAN SEHINGGA BULAN APRIL

-OLEH ITU, DATA MENUNJUKKAN ADA PENINGKATAN PENGHASILAN BUKU DARI TAHUN 2019 SEHINGGA 2021-


TATACARA PERMOHONAN




CONTOH BUKU TELAH DITERBIT



TERBITAN TAHUN 2020



**DR. IBRAHIM BABIKIR
ELHAG ABDEL ELGADIR**



**DR. SHAABAN ABDEL
HAMED REFAE**




**DR. EBRAHIM
ELDESOKY**




**DR. RAGAB IBRAHIM
AHMED AWAD**



**KULLIYAH
BAHASA ARAB**



**DR RABIE IBRAHIM
MOHAMED HASSAN**



**DR. SHEHATA HAFEZ
MOHAMED ELSHEIKH**



**DR. MOHAMED
IBRAHIM OTHMAN**

TERBITAN TAHUN 2020



**DR. MOHAMED
RADY ELSHEAKH**



**DR. RAGAB IBRAHIM
AHMED AWAD**



**DR. RAGAB IBRAHIM
AHMED AWAD**




**DR. MOHAMED
IBRAHIM OTHMAN**



**DR. IBRAHIM BABIKIR
ELHAG ABDEL ELGADIR**



**DR. MUKHAMAD HADI
MUSOLIN SUBAGIO**



AMIN AL-JARUMI



**DR RABIE IBRAHIM
MOHAMED HASSAN**



**UniSHAMS
AKADEMI JAWI**


TERBITAN TAHUN 2020



**DR. ABDUL GHANI MD DIN
MOHD AZIZUL RAHMAN ZABIDIN**




**MOHAMAD ZAKI
MUSTAFA MASOH**




**DR. MOHAMED
RADY ELSHEAKH**



**DR RAHAYATI
FARAH NADIRAH
NURUL SHAHARIZA
DR SYAHIZA
SHAAMILA**




**MOHD SUHAIDI
MOHAMED SIDIK**



**YUSUF HAJI OTHMAN
MOHD SHOLEH SHEH YUSUFF**



**DR RABIE IBRAHIM
MOHAMED HASSAN**




**DR MOHD SHOLEH
TENGGU ZAWAWI
DR YUSUF HAJI OTHMAN
ABD NASER ISMAIL**



**DR. EBRAHIM
ELDESOKY**

TERBITAN TAHUN 2021




**DR. AHMED
RAMADAN HARIS**




**DR. AHMED
RAMADAN HARIS**




**DR. ABDELTAWWAB MOUSTAFA
KHALED MOAWAD**



**DR. KHOBAIB
ALI SAEED SALEM**



**DR. SHAABAN
ABDELHAMEED REFAE**



**DR. KHOBAIB
ALI SAEED SALEM**

CARTA ORGANISASI RMU



Dr. Mukhamad Hadi Musollin Subagio
Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan



Dr. Rahayati binti Ahmad
Timbalan Pengarah Unit
Pengurusan Penyelidikan



Muhammad Farid bin Ahmad
Penolong Pegawai Tadbir N29



Siti Nadzirah binti Mohd Norizan
Pembantu Tadbir
(Pengkeranian/Operasi) N19



Nur Arifah binti Arifin
Pembantu Tadbir
(Pengkeranian/Operasi) N19



Ahmad Syafiq bin Umar
Pembantu Siswazah



Luqmanul Hakim bin Azhar
Pembantu Siswazah



Muhammad Afif bin Azman
Pembantu Siswazah



Muna binti Mohd Rodzi
Pembantu Siswazah



Husna binti Mat Rani
Pembantu Siswazah

Ilmu itu ada di mana-mana, pengetahuan di mana-mana tersebar, jika kita bersedia membaca dan bersedia mendengar.
- Felix Siauw



ليس العلم ما حُفظ،
إنما العلم ما نفع.
- الإمام الشافعي

UCAPAN PENUTUP TIMBALAN PENGARAH UNIT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh dan Salam sejahtera,

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas buat pasukan sidang redaksi yang telah berjaya menerbitkan Majalah Unit Pengurusan Penyelidikan buat pertama kalinya. Semoga majalah ini mampu menjadi sumber maklumat dan inspirasi kepada semua pensyarah pada masa akan datang. Unit Pengurusan Penyelidikan UniSHAMS telah mempamerkan iltizam dan komitmen yang tinggi dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan penglibatan pensyarah-pensyarah serta menggarap potensi pensyarah secara menyeluruh dalam bidang penyelidikan.

Hal ini bertepatan dengan matlamat kami iaitu memartabatkan bidang penyelidikan dan penerbitan di samping menggalakkan kulliyah-kulliyah menjalankan persidangan-persidangan di peringkat universiti, national dan antarabangsa. Akhir kata, saya ingin menyeru para pensyarah untuk bersama-sama merealisasikan hasrat murni bagi melahirkan pensyarah yang berkualiti dan berkelas tinggi. Oleh itu, para pensyarah mestilah memanfaatkan ruang dan peluang yang disediakan dengan sebaiknya. Sekian, terima kasih.



(DR. RAHAYATI BINTI AHMAD)
Timbalan Pengarah Unit Pengurusan
Penyelidikan,
Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan,
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul
Halim Mu'adzam Shah.

UNIT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

RESEARCH MANAGEMENT UNIT RMU

SIDANG REDAKSI



DR MUKHAMAD HADI MUSOLIN SUBAGIO
Penasihat 1



DR RAHAYATI BINTI AHMAD
Penasihat 2



AHMAD SYAFIQ BIN UMAR
Ketua Editor & Editor Penyelidikan



MUHAMMAD AFIF BIN AZMAN
Editor Persidangan



LUQMANUL HAKIM BIN AZHAR
Editor Penerbitan



MUNA BINTI MOHD RODZI
Editor Kluster



HUSNA BINTI MAT RANI
Editor RMU



Like & Follow Us

facebook



Unit Pengurusan Penyelidikan -
RMU Unishams

CONTACT US :



rmu@unishams.edu.my | 04-4155087